



Noor
Mohamad
Shakil
Hameed

Serlah bakat belia

Sambutan Hari Belia Negara (HBN) 2016 yang diadakan di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 15 Mei lalu menyaksikan buat pertama kalinya sebuah universiti awam dipilih sebagai tuan rumah berbanding sebelum ini diadakan di Putrajaya.

Walaupun kali ini tidak disebut sebagai festival hari belia, namun pengisian program sepanjang sambutan HBN ini tetap meriah seperti biasa. Tambahan pula ia membuka ruang dan peluang untuk mahasiswa institut pengajian tinggi (IPT) secara umumnya dan mahasiswa UPM khususnya terabit secara langsung dalam menjayakannya.

Secara ringkasnya HBN tahun ini menampilkan kelainan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Dengan tema 'The Future Is Now', ia dimeriahkan dengan pelbagai program dan aktiviti yang dianjurkan bersama oleh tiga penggerak utama HBN kali ini iaitu Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Majlis Belia Malaysia (MBM) serta UPM sendiri sebagai tuan rumah.

Secara keseluruhannya sebanyak 228 jenis program diadakan sepanjang sambutan HBN kali ini untuk belia di seluruh negara. Program berkenaan berlangsung seminggu termasuk di peringkat negeri dari 9 hingga 15 Mei yang terbahagi kepada tiga segmen utama iaitu Minggu Belia dan Jelajah Kampus Rakan Muda sebelum acara kemuncak Hari Belia Negara 2016 pada 15 Mei yang disempurnakan Timbalan Perdana Menteri di UPM. Antara program menarik yang berlangsung ialah, Pertandingan Pidato Rakan Muda IPT, Showcase of Talent, Warna-Warni Belia, Konvensyen Belia Kebangsaan serta penyampaian Anugerah Perdana Belia Negara.

Bagi penulis sambutan HBN kali ini ini menjadi platform terbaik untuk belia, terutama mahasiswa untuk menampilkan kehebatan masing-masing. Ia juga bertepatan dengan konsep yang cuba diterapkan kali ini iaitu penyerlahan atau penampilan bakat dalam kalangan belia. Justeru kita percaya inilah masanya untuk belia kita membuktikan kepada masyarakat betapa mereka juga memiliki bakat dan kemahiran untuk meneruskan legasi kecemerlangan negara kita.

Seperti kata Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin ketika majlis Pra Pelancaran Sambutan Hali Belia Negara 2016, belia tidak boleh diklasifikasikan sebagai harapan

masa hadapan semata-mata sebaliknya sekarang masa untuk mereka membuktikan kemampuan masing-masing. Oleh sebab itulah tema kali ini berbunyi 'The Future Is Now'. Hakikatnya sampai bila kita mahu menggunakan jawapan klise bahawa belia akan dapat peluang di masa hadapan kelak. Kita mahu belia diberi ruang dan peluang mulai sekarang untuk bersama-sama membantu mencorakkan masa hadapan yang mereka mahukan serta untuk generasi yang akan datang.

Kita perlu yakin dan percaya betapa belia hari ini cepat matang, berpengetahuan luas, berpendidikan tinggi serta mampu menampilkan bakat, idea dan kreativiti yang hebat. Walaupun golongan belia sering dikatakan kurang pengalaman, namun itu tidak boleh dijadikan alasan untuk terus meminggirkan peranan dan sumbangan belia kepada kemajuan dan pembangunan negara. Kita percaya jika diberi ruang dan peluang belia yang ada pada hari ini mampu meraih pengalaman seterusnya memberi sumbangan yang signifikan kepada negara dan masyarakat dari pelbagai aspek seperti dalam bidang ekonomi, politik dan pembangunan sosial masyarakat.

Senario sekarang ialah seolah-olah masih wujud persepsi dan tahap keyakinan serta kepercayaan yang rendah terhadap kemampuan golongan belia. Justeru mereka dilihat kurang dilibatkan dalam proses membuat keputusan yang utama di peringkat nasional. Kalau ada yang dilibatkan sekalipun masih dalam bilangan yang sangat kecil. Perkara ini perlu diteliti semula kerana jangan lupa betapa apa jua keputusan dan dasar yang hendak kita putuskan dan laksanakan sekarang bakal memberi kesan dan impak kepada kehidupan golongan belia ini pada masa akan datang.

Dan sudah semestinya generasi hari ini tidak mahu dimaki hamun oleh belia yang bakal memikul cabaran yang akan datang akibat daripada keputusan yang tidak memenuhi ekspektasi mahupun zaman mereka. Justeru dalam hal ini, kita hargai komitmen dan sikap keterbukaan pihak kerajaan yang mutakhir ini dilihat lebih mesra belia, namun diharapkan ia dapat dipertingkatkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Misalnya bagi peluang kepada lebih ramai belia memegang jawatan penting baik di sektor awam mahupun swasta agar boleh terlibat sebagai pembuat dasar mahupun

keputusan. Birokrasi yang menetapkan kenaikan pangkat berdasarkan tahun perkhidmatan dan pengalaman wajar diteliti semula. Kenaikan pangkat secara merit dan berdasarkan prestasi tanpa mengira umur dan pengalaman wajar dilipatgandakan sebagai suntikan motivasi kepada golongan belia agar dapat terus memberikan sumbangan yang berkesan.

Di samping itu, belia juga wajar dijadikan ahli tetap dalam semua jawatankuasa utama peringkat kebangsaan yang sering membuat sesuatu keputusan atau dasar yang penting. Bagi ruang untuk golongan belia mengutarakan pandangan orang muda supaya apa yang hendak diputuskan itu sesuai sepanjang zaman. Perkara ini cukup penting kerana dalam kebanyakan isu keputusan dibuat tanpa mendapatkan pandangan anak muda yang bakal memikul kesan dan akibat daripada keputusan terabit. Ini sewajarnya dielak dengan segera.

Belia kita juga tidak kurang hebatnya dari aspek kemahiran kepemimpinan. Mereka juga mampu menjadi pemimpin masyarakat yang kreatif, berinovasi dan berintegriti andai diberi peluang yang secukupnya. Kita juga berharap agar dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) akan datang semua parti yang bertanding akan membuka lebih banyak peluang kepada belia untuk bertanding. Percayalah belia mampu memimpin dan membuat keputusan yang bijak jika diberi ruang dan peluang serta bimbingan dan nasihat yang berterusan.

Penulis melihat sambutan HBN tahun ini cukup penting dan signifikan bagi meningkatkan martabat dan kedudukan golongan belia di mata masyarakat. Semoga belia sedar tanggungjawab yang bakal dipikul dan pihak kerajaan juga diharap akan terus membuka lebih banyak peluang kepada belia untuk menyerlahkan bakat mereka. Ringkasnya potensi yang ada pada belia perlu mula dimanfaatkan dari sekarang.

Kita tidak mahu lagi mendengar ungkapan belia perlu tunggu dan masa mereka akan sampai kelak. Kita tidak mahu merugikan masa dan bakat mereka ataupun membuat mereka menunggu sehingga sampai masanya. Seperti kata Khairy inilah masanya. Belia perlu diberi peluang mulai sekarang dan pastikan masa hadapan bermula daripada sekarang.

**Penulis Ketua Bahagian
Hal Ehwal Pelajar UPM**